

PENGAJIAN FALSAFAH ISLAM DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DI MALAYSIA: SUKATAN, MASALAH DAN CABARAN PENGAJIAN*

Oleh:

Wan Suhaimi Wan Abdullah **

Abstrak

Makalah ini pada dasarnya cuba mengenalpasti masalah dan cabaran pengajian Falsafah amnya dan Falsafah Islam khasnya di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Dua sample silibus telah dibandingkan dalam kajian ini iaitu sampel pengajian Falsafah dan Falsafah Islam di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Peruntukan kandungan kursus dan tempoh jam kredit dalam kedua-dua silibus dianalisis. Makalah ini didahului dengan suatu sorotan am tentang perkembangan pengajian

* Makalah ini asalnya adalah kertas kerja yang dikemukakan kepada *Seminar International Framework dan Metodologi Pengajian Islam Di Perguruan Tinggi Islam Indonesia-Malaysia*, anjuran bersama Institut Studi Islam Darussalam (ISID), Gontor, Indonesia dan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Seminar tersebut diadakan pada 6-7 Mei 2006 di Institut Studi Islam Darussalam (ISID).

** Wan Suhaimi Wan Abdullah adalah calon PhD di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau adalah pensyarah kanan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, e-mail: wansuhaimi@um.edu.my

Falsafah dan Falsafah Islam di Malaysia dan diakhiri dengan perbincangan tentang masalah dan cabaran pengajiannya yang menyentuh isu berkaitan tenaga pakar dalam bidang berkaitan, prasarana yang tersedia dan juga minat dan penerimaan pelajar.

Katakunci: Falsafah Islam: Pengajian, Sukatan, Masalah, Cabaran; Institusi Pengajian Tinggi Awam; Universiti Malaya; Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

This article attempts to identify the problems and the challenges faced by Malaysian Higher Educational Institutions in teaching philosophy and particularly the Islamic Philosophy. Two syllabi were compared in this study, namely the syllabus of the Department of 'Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya and of the Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia. The content as well as its credit hours in both syllabi are analysed. The article begins with a view of the development of the teaching philosophy and Islamic Philosophy in Malaysia and ends with a discussion on the relevant problems and challenges covering issues concerning the expertise in the field, infrastructure as well as student interest in the programs.

Keywords: Islamic Philosophy: Teaching, Syllabus, Problems, Challenges; Public Higher Educational Institution; University of Malaya; National University of Malaysia

Pendahuluan

Sebagai suatu disiplin ilmu, Falsafah amnya dan Falsafah Islam khasnya telah melalui pelbagai cabaran dan perkembangan terutama dalam konteks penerimaan dan persepsi masyarakat secara umum dan kelompok pelajar serta ilmuwan secara khusus. Pengajian dan pengajaran bidang ilmu ini berdepan dengan pelbagai situasi pasang-surut, maju-mundur dan popular-tersisih. Apa yang pasti, pada setiap masa dan tempat sepanjang sejarah intelektual manusia, kita menyaksikan kelahiran tokoh-tokoh pemikir yang secara langsung ataupun tidak dikaitkan dengan Falsafah dan pengajiannya. Tiada tokoh ilmuwan besar, reformis hebat atau pemimpin terkenal yang tidak boleh dikaitkan dengan falsafah, sama ada dengan falsafah tertentu ataupun dengan falsafahnya tersendiri. Persoalannya apakah sikap sebenar mereka terhadap falsafah? Bagaimana pengajian, pemahaman dan penghayatan mereka terhadap sesuatu falsafah boleh mempengaruhi keperibadian dan ketokohan mereka? Yang lebih penting lagi ialah mungkinkah kita melahirkan generasi tokoh sebegini dengan pengajian dan pembelajaran falsafah yang dianjurkan dalam sistem pendidikan semasa? Makalah ini bertujuan meneliti beberapa aspek berkaitan pengajian Falsafah amnya dan Falsafah Islam khasnya di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia khususnya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Fokus penelitian akan dikhurasukan kepada isu berkaitan sukatan, masalah dan cabaran pengajian dan pengajaran falsafah. Penelitian ini diharapkan mampu memperlihatkan tahap keberkesanan program pengajian falsafah di IPTA di Malaysia sekurang-kurangnya dalam menyediakan maklumat lengkap tentang sejarah perkembangan pemikiran falsafah dan seterusnya memupuk keupayaan berfikir di kalangan pelajar.

Pengajian Falsafah Dan Falsafah Islam Di IPTA Di Malaysia

Pengajian Falsafah amnya dan Falsafah Islam¹ khasnya boleh dikatakan agak tidak popular, bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ia belum dan masih jauh dari mendapat tempat yang sepatutnya dalam kerangka pendidikan di Malaysia, sama ada di peringkat menengah atau kolej mahupun di peringkat tinggi. Berbanding negara umat Islam yang lebih terkedepan dalam pengajian Falsafah seperti Mesir misalnya, Malaysia memang jauh terkebelakang. Di Mesir, pengajian falsafah telah mula dikenakan seawal pengajian menengah lagi.² Di peringkat tinggi pula, boleh dikatakan semua

¹ Perlu ditegaskan bahawa apa yang kita faham dan ingin anjurkan tentang pengertian falsafah Islam adalah usaha dan pengalaman pemikiran yang dihasilkan oleh umat Islam dalam tradisi dan kerangka kefahaman keagamaannya yang tersendiri. Jika Islam menekankan aspek intelektual dan spiritual, maka pastinya falsafah yang patut diiktiraf sebagai 'Islam' adalah pemikiran yang tidak mengabaikan kedua-dua elemen ini. Seterusnya apabila Islam itu didirikan di atas asas iman (faham) dan amal (praktik), maka semestinya falsafah Islam perlu berkait dan mendorong kepada kesan yang sama. Failasuf Muslim semestinya mereka yang hebat daya intelektual dan mantap spiritualnya. Mereka juga semestinya jelas dan konsisten kefahamannya, di samping aktif dan produktif amalananya. Kemelesetan dalam mana-mana aspek di atas bermakna seseorang itu masih belum layak bergelar failasuf Muslim, mereka mungkin lebih tepat disebut sebagai *mutafalsif* iaitu 'pengusaha' falsafah; sebagaimana 'pengusaha' tasawuf disebut sebagai *mutashawif*.

² Menarik diperhatikan satu daripada teks pengajian peringkat menengah tinggi (*al-sanah al-tawjîhiyyah*) yang diajar di sekolah menengah di Mesir yang disediakan oleh Ibrâhim Madkûr dan Yûsuf Karam berjudul *Durûs fi Târikh al-Falsafah*, terbitan Kementerian Pengetahuan Umum (*Wizârah al-Mâ’arif al-’Umûriyyah*), cetakan 1953, Kaherah: Ma’ba’ah Lajnah al-Ta’lîf wa al-Tarjamah wa al-Nashr. Teks ini memuatkan ‘liputan’ sejarah aliran dan pemikiran falsafah bermula dari Falsafah Greek seterusnya Falsafah Kurun Pertengahan merangkumi Falsafah Kristian dan Islam, kemudian Falsafah Moden. Keseluruhan pembentangan pengajian ini dikemukakan, sebagaimana dinyatakan oleh penulisnya, dalam bentuk yang ‘ringkas tapi tidak mencacatkan dan terfokus tapi tidak menyulitkan’, lihat h. ٢. Dalam konteks pengajian falsafah di Malaysia atau di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya secara khusus, tidak keterlaluan jika disarankan bahawa teks yang sama boleh dan patut diajar atau dibacakan dalam kursus seumpama Pengantar Falsafah (IXEU1106). Saranan ini bukanlah untuk menyamataraftkan di antara

universiti di Mesir memiliki Jabatan Falsafah³ yang umumnya diletakkan di bawah Fakulti Sastera, malah di Universiti Kaherah terdapat dua jabatan yang memperjuangkan pengajian falsafah iaitu Jabatan Falsafah di Fakulti Sastera dan Jabatan Falsafah Islam di Fakulti Dār al-‘Ulūm.⁴ Jabatan terakhir ini dilihat sebagai ‘perantara’ di antara tradisi pengajian falsafah ala Barat yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan Falsafah di fakulti-fakulti Sastera dengan tradisi pengajian Falsafah Islam yang berpaksikan akidah yang diperjuangkan Jabatan Akidah dan Falsafah⁵ di Fakulti Usuluddin di Universiti al-Azhar.

Demikian kedudukan pengajian falsafah amnya dan falsafah Islam khasnya di institusi pengajian di Mesir. Dalam hal ini, dan tanpa merujuk kepada faktor sosio-politik setempat yang memang berperanan dalam menjana perkembangan pengajian falsafah di Mesir, keadaan di Malaysia dilihat jauh ketinggalan. Hasilnya, antara yang agak ketara, ialah Malaysia tidak pernah tampil sebagai negara pengekspot pemikir atau pemikiran dalam konteks falsafah, kepada dunia luar. Sebaliknya orang Melayu Malaysia lebih berupa pengimpot, ‘pengguna’ dan

tahap menengah di Mesir dan tahap universiti di Malaysia dalam pengajian falsafah, namun ia merujuk kepada kesesuaian bentuk kupasan dan skop perbahasan yang dikemukakan oleh pengarang teks tersebut.

³ Jabatan Falsafah di Fakulti Sastera universiti-universiti di Mesir banyak melahirkan para pemikir Mesir yang terkenal dan tidak kurang juga yang kontroversi seumpama Muṣṭafā Abd al-Rāziq, Muḥammad Muṣṭafā Hilmi, Ahmad Fu’ād al-Ehwāni, ‘Uthmān Amin, Abū al-Wafā’ al-Ghanīmī al-Taftazānī, Amira Hilmi Maṭr, Hasan Ḥanafī (Universiti Kaherah); Abd al-Raḥmān Badawī, ‘Alī ‘Abd al-Fattāḥ al-Maghribī, Faiṣal Badīr ‘Awī (Universiti ‘Ayn Shams); ‘Alī Sāmī Nashshār, Muḥammad ‘Alī Abū Rayyān, Ahmad Maḥmūd Subhī (Universiti Iskandariyyah).

⁴ Antara tokoh yang dilahirkan oleh jabatan ini adalah seperti Muḥammad Kamāl Ja’far, Maḥmūd Qāsim, Muṣṭafā Muḥammad Hilmi, Hasan al-Shāfi’ī dan Ḥamid Tāher.

⁵ Antara tokoh besar yang dilahirkan oleh jabatan ini ialah seumpama Abd. al-Ḥalīm Maḥmūd, Muḥammad al-Bahī, Sulaymān Dunyā, Muḥammad Yūsuf Mūsā, Abd al-Mu’ṭī Muḥammad Bayyūmī, Maḥmūd Ḥamdi Zaqqūq dan Ahmad Muḥammad al-Tayyib.

pencedok pemikiran luar.⁶ Ini adalah senario yang boleh di ketengahkan untuk difikirkan khususnya dalam konteks memperkatakan tentang pengajian falsafah di Malaysia.

Jika diselidiki bidang-bidang ilmu yang wujud di Malaysia, di mana sebenarnya berlangsung pengajian falsafah? Sehingga kini tidak pernah kedengaran suatu jabatan di mana-mana universiti di Malaysia yang menamakan dirinya sebagai 'Jabatan Falsafah' sekaligus mendokong pengajian falsafah. Jabatan yang paling hampir dengan tradisi pengajian falsafah ini mungkin boleh ditemui di bawah ruang lingkup pengajian Islam amnya dan pengajian Usuluddin secara khusus. Di Universiti Malaya, secara khususnya di Akademi Pengajian Islam, wujud Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, di Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya di Fakulti Pengajian Islam wujud Jabatan Usuluddin dan Falsafah, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia khususnya di Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan ada Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, di samping Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) yang dahulunya ketika di bawah pimpinan pengarah-pengasasnya iaitu Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas pernah mencipta nama dan mampu mendokong pengajian falsafah Islam yang terbaik di Asia Tenggara, bahkan di dunia. Ini adalah beberapa institusi utama di IPTA di Malaysia yang dilihat berpotensi memperjuangkan pengajian falsafah amnya dan Falsafah Islam khasnya. Selain dari institusi-institusi ini, falsafah

⁶ Jelasnya kita dengar nama dan baca pemikiran tokoh pemikir dan reformis Islam seperti Muhammad Abdurrahman, Jamaluddin al-Afghani, Rashid Ridha, Hasan al-Banna, Abbas Mahmud Aqqad, Malik Bennabi, Ibn Badis, Muhammad Abdul Wahhab dari Timur Tengah; Sa'id Nursi dari Turkey; Ali Shariati dan Seyyed Hossein Nasr dari Iran; Abū al-'Alā al-Maududi, Muhammad Iqbāl, Fazlur Rahman, Abū al-Hasan al-Nadwi dari benua India, bahkan Hamka, Muhammad Natsir dan Harun Nasution dari Indonesia. Kita juga biasa dengan nama-nama seperti Descartes, Kant, Hegel dan William James dari Barat. Tapi pernahkah kita terfikir tentang siapakah pemikir dan pemikiran Malaysia yang mendapat tempat di luar sana?

hanya dikenali di fakulti atau jabatan lain sebagai mata pelajaran yang ditawarkan sebagai suatu pengenalan umum kepada pelajar.⁷

Sukatan Pengajian Falsafah dan Falsafah Islam

Secara umumnya ‘Falsafah Islam’ difahami sebagai suatu bidang yang luas merangkumi segala bentuk kajian intelektual dalam Islam. Ia pastinya merangkumi akidah atau Ilmu Kalam, falsafah dan logik, kajian agama, kajian pemikiran serta kajian kerohanian dan etika.⁸ Walau bagaimanapun, makalah ini akan memfokuskan kepada pengajian falsafah Islam secara khusus dan kursus-kursus berkaitannya.

Untuk tujuan ini, berikut dikemukakan beberapa contoh sukatan pengajian peringkat Sarjana Muda yang di ketengahkan untuk tujuan perbincangan dan penilaian. Makalah ini memilih Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, khususnya Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, khususnya Jabatan Usuluddin dan Falsafah sebagai contoh bandingan.

⁷ Ini seperti kursus (SFES2216) Falsafah Sains Perbandingan dan kursus (SXEX1400) Sejarah dan Falsafah Sains yang ditawarkan di bawah pengkhususan Alam Fizik dan Alam Hayat di APIUM. Manakala di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya terdapat kursus seumpama (AFEA3310) Falsafah India (Kursus elektif di Jabatan Pengajian India); (AAEA3302) Teks-teks Falsafah Cina (Kursus wajib di Jabatan Pengajian Tionghua) dan (AAEA3311) Falsafah Cina (Kursus elektif Jabatan Pengajian Tiongua)

⁸ Lihat tentang bidang-bidang falsafah Islam misalnya Hāmid Tāher (1985), *Madkhāl li Dirāsat al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Hajar li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-lān, h. 13-40. Perlu ditegaskan bahawa ramai para pengkaji Falsafah Islam beranggapan bahawa ilmu *Uṣūl al-Fiqh* juga termasuk dalam lingkungan ‘Falsafah Islam’, bahkan Sheikh Muṣṭafā ‘Abd al-Rāziq sendiri pernah menegaskan bahawa *Uṣūl al-Fiqh* adalah ‘Falsafah Islam yang tulen’, lihat Muṣṭafā ‘Abd al-Rāziq (1966), *Tamhid li Tārīkh al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Kaherah: al-Lajnah al-Ta‘līf wa al-Tarjamah wa al-Nashr, h. 27 dan Hāmid Tāher (1993), *al-Falsafah al-Islāmiyyah fi al-‘Aṣr al-Hadīth*, Kaherah: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah, h. 71-74.

a) **Sukatan Pengajian Falsafah Islam Di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM)⁹**

Kursus-kursus berkaitan falsafah Islam yang ditawarkan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) adalah seperti berikut:

i. **Pengantar Pemikiran Islam (IXEU1101/ 3 Jam Kredit - Teras Akademi)**

Kursus ini membincangkan persoalan berkaitan pengenalan, skop dan sejarah pemikiran Islam. Pendedahan yang dikemukakan dalam kursus ini merangkumi pengenalan bidang-bidang utama pemikiran Islam seperti Kalam, Usul al-Fiqh, Falsafah Islam dan tasawuf, di samping beberapa konsep besar pemikiran Islam seperti konsep ilmu dan islamisasi sains.¹⁰

ii. **Pengantar Falsafah (IXEU1106/ 3 Jam Kredit - Teras Akademi)**

Kursus ini berupa pengenalan kepada falsafah yang mendedahkan topik, aliran dan tokoh-tokoh agung falsafah sepanjang zaman. Antara skop perbincangan kursus ini ialah pengenalan falsafah dan kepentingannya, hubungannya dengan sains dan nilai, sejarah falsafah dan jalinan pemikiran manusia dari pelbagai tamadun dan era.¹¹

iii. **Pengantar Falsafah Islam (IAEU1302/ 3 Jam Kredit - Teras Jabatan)**

Kursus ini mendedahkan asas dan prinsip falsafah Islam dan perkembangannya. Ia juga membincangkan definisi falsafah, sumber-sumbernya, teori berkaitan ilmu pengetahuan, ketuhanan, alam tabie, politik,

⁹ Fakta berkaitan sukatan pengajian falsafah di Akademi Pengajian Islam ini adalah berdasarkan *Buku Panduan Program Ijazah Dasar Tahun Akademik 2005/2006* terbitan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.

¹⁰ *Buku Panduan Program Ijazah Dasar Tahun Akademik 2005/2006*, h. 157.

¹¹ *Ibid.*, h. 159.

kemasyarakatan dan sebagainya dalam konteks falsafah Islam.¹²

iv. Falsafah Akhlak dan Moral (IAEU2304/ 3 Jam Kredit - Teras Jabatan)

Kursus ini memperkenalkan konsep serta falsafah akhlak dan moral. Ia meliputi perbincangan tentang sumber dan asas akhlak dan moral menurut perspektif agama dan amalan manusia. Ini di samping kajian perbandingan antara akhlak, moral dan etika, serta persoalan yang berkaitan akhlak Islam, sebagai penyelesaian masalah dan pembentuk sahsiah dan ketamadunan manusia sejagat.¹³

v. Falsafah Islam (IAEU3101/ 3 Jam Kredit - Teras Jabatan)

Ia mendedahkan teori falsafah Greek dan Islam secara perbandingan bertujuan melatih pelajar mengenalpasti pengaruh teori berkenaan dalam akidah dan pemikiran Islam. Kursus ini membahaskan pemikiran ahli falsafah Greek dan Islam terhadap teori ilmu pengetahuan, ketuhanan, akhlak dan lain-lain, di samping menganalisis pengaruh falsafah dalam akidah dan pemikiran Islam serta beberapa isu polemik dalam falsafah.¹⁴

vi. Kajian Bibliografi Akidah Dan Pemikiran Islam (IAEU3120/ 3 Jam Kredit - Teras Jabatan)

Kursus ini mendedahkan para pelajar dengan karya-karya penting dan asas dalam bidang akidah dan pemikiran Islam. Ia menekankan interaksi langsung pelajar dengan karya-karya utama ini dengan mengkaji isi, kepentingan dan autoriti karya utama akidah dan pemikiran Islam. Ia memperkenalkan karya-karya warisan berkaitan istilah, bibliografi dan autobiografi tokoh akidah dan pemikir Islam. Di samping itu,

¹² *Ibid.*, h. 179.

¹³ *Ibid.*, h. 181-182.

¹⁴ *Ibid.*, h. 182.

sumber-sumber primer dan muktabar bidang akidah dan pemikiran Islam merangkumi kitab akidah pelbagai mazhab, perkembangan aliran (*fīraq*) akidah dan pemikiran, falsafah Islam dan tasawuf diperkenalkan.¹⁵

vii. Falsafah Dan Masyarakat Islam Semasa (IAEU1307 / 3 Jam Kredit - Elektif Jabatan)

Kursus ini menampilkan bentuk penyelesaian yang boleh dikemukakan oleh falsafah dalam menangani isu-isu semasa dalam masyarakat amnya, dan masyarakat Islam khasnya. Ia memperlihatkan bagaimana falsafah dan failasuf dengan pendekatan yang tersendiri mampu memikul tanggungjawab berperanan dalam masyarakat. Ia membanding persepsi falsafah Islam tentang masyarakat, pembangunan dan cabaran semasa dengan persepsi Barat. Topik-topik berkaitan hak asasi manusia, pendidikan, kenegaraan, agama dan sebagainya dikupas dari kaca mata falsafah Islam.¹⁶

viii. Nuṣūṣ al-Falsafah al-Islāmiyyah (IAEU2311/ 3 Jam Kredit - Elektif Jabatan)

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada koleksi karya-karya agung falsafah Islam. Di samping penerapan penggunaan bahasa Arab, kursus ini juga mempersiapkan pelajar dengan kepakaran membaca dan memahami teks-teks tersebut. Ia mendedahkan pendekatan semasa dalam berinteraksi dengan teks falsafah. Teks-teks pilihan merangkumi karya agung tokoh falsafah Islam sepanjang zaman berkaitan metafizik, epistemologi, psikologi dan kemasyarakatan.¹⁷

¹⁵ *Ibid.*, h. 182-183.

¹⁶ *Ibid.*, h. 187-188.

¹⁷ *Ibid.*, h. 193-194.

**ix. Aliran Pemikiran Islam Semasa (IAEU3302/ 3
Jam Kredit - Elektif Jabatan)**

Kursus ini mendedahkan strategi serangan pemikiran dan sosial Barat terhadap Islam di samping memperkenalkan tokoh-tokoh pemikiran Islam, metodologi dan isu-isu pemikiran Islam dalam pelbagai aspek. Perbincangan merangkumi serangan pemikiran Barat dan kesan penguasaannya terhadap umat Islam. Tokoh-tokoh pemikir Islam yang di ketengahkan adalah seperti Jamāl al-Dīn al-Afghānī, Muḥammad ‘Abduh, Muḥammad Iqbal, Ali Syari‘ati, Mālik Bennabi, al-Mawdūdī dan lainnya. Manakala isu perbincangan pula ia merangkumi isu islamisasi ilmu, pembaharuan (*tajdīd*) dalam ilmu syari‘ah, hubungan Islam-Barat dan sebagainya.¹⁸

**x. Falsafah Politik Dan Sosial Islam (IAEU3304/ 3
Jam Kredit - Elektif Jabatan)**

Kursus ini memperkenalkan teori dan konsep politik dalam Islam termasuk pengertian ummah, *Dawlah Islāmiyyah*, *Khilāfah*, *Imāmah* dan ketuanan undang-undang dalam pemerintahan Islam. Bidang kuasa pemerintahan Islam, hak-hak rakyat mentaati pemerintah dan asas-asas hubungan negara Islam juga turut diketengahkan.¹⁹

**xi. Islam Dan Aliran Falsafah Moden (IAEU3317/ 3
Jam Kredit - Elektif Jabatan)**

Kursus ini mendedahkan aliran falsafah moden yang berpengaruh dalam masyarakat Islam dan sikap Islam terhadap aliran pemikiran tersebut. Ia membincangkan sejarah ringkas perkembangan aliran pemikiran Islam klasik dan moden serta aliran pemikiran Barat. Kursus ini turut menganalisis pandangan Islam terhadap cabaran aliran pemikiran moden seperti liberalisme, feminism, rasionalisme dan lain-lain.²⁰

¹⁸ *Ibid.*, h. 194.

¹⁹ *Ibid.*, h. 194-195.

²⁰ *Ibid.*, h. 198-199.

b) Sukatan Pengajian Falsafah Islam Di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (FPI, UKM)²¹

Kursus-kursus berkaitan falsafah dan cabang-cabangnya yang ditawarkan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (FI, UKM) adalah seperti berikut:

i. Pengantar Falsafah (PH1152 -2 unit/ Teras)

Ia adalah suatu pengantar kepada disiplin falsafah di mana definisi dan sejarah ringkas falsafah Greek, Abad Pertengahan dan Moden, serta persoalan umum seperti metafizik, epistemologi, etika, falsafah agama, falsafah politik dan kemanusiaan dibincangkan.²²

ii. Falsafah Islam (PH1122 - 2 unit/ Teras)

Kursus ini bertujuan memberi gambaran yang jelas mengenai falsafah Islam dari segi sumbernya dan beberapa persoalan utama dengan menyentuh isu berkaitan pertumbuhan, perkembangan, ketulenan dan unsur-unsur luaran falsafah Islam di samping beberapa konsep seperti ketuhanan, kenabian, kebahagiaan, kemasyarakatan dan kenegaraan berdasarkan pemikiran tokoh-tokoh besar seperti al-Kindī, al-Fārābī, Ibn Sīnā dan Ibn Rushd.²³

²¹ Fakta berkaitan sukatan pengajian falsafah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia ini adalah merujuk kepada *Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam Sesi Akademik 2003-2004*, terbitan Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi 2003. Sumber yang dirujuk di sini walaupun agak lama dan tidak sezaman dengan sumber untuk kursus di APIUM, namun ia diharapkan cukup untuk dijadikan sampel analisis yang merupakan tumpuan utama kajian ini. Perubahan dan perkembangan terkini yang mungkin berlaku ke atas kandungan silibus di FPI, UKM pastinya akan mengubah dapataran analisis makalah ini. Oleh yang demikian, penulis hanya akan menilai silibus yang ada secara umum sekadar untuk memperlihatkan sejauhmanakah kandungan yang sediada ini mampu menyumbang kepada hasil pengajian yang diimpikan.

²² *Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam Sesi Akademik 2003-2004*, h. 86.

²³ *Ibid.*, h. 85.

**iii. Falsafah Abad Pertengahan (PH2413 - 3 unit/
Elektif)**

Membincangkan latarbelakang pertumbuhan aliran falsafah Abad Pertengahan dan sejarahnya, persoalan-persoalan besar falsafah era ini khususnya dari perspektif dua aliran utamanya iaitu Neo-Platonisme dan Aristotelianisme serta hubungannya dengan Falsafah Islam.²⁴

iv. Falsafah Moden (PH3112 - 2 unit/ Teras)

Menganalisis sumbangan Islam terhadap pemikiran Barat, persoalan pokok falsafah Barat berkaitan ilmu dan etika serta aliran-aliran moden termasuk empirisme, rasionalisme, idealisme, realisme, intuisionalisme, pragmatisme, fenomenalisme dan logikal positivisme.²⁵

v. Perbandingan Falsafah (PH3413 - 3 unit/ Elektif)

Ia adalah ilmu perbandingan falsafah yang membandingkan antara pemikiran falsafah Barat (termasuk Greek dan Islam) dengan falsafah Timur (India, Cina dan Jepun) dalam isu berkaitan Tuhan, alam dan insan.²⁶

**vi. Falsafah Politik dan Sosial Islam (PH3453 - 3
unit/ Elektif)**

Mengemukakan falsafah siyasah Islam oleh al-Kindī, al-Fārābī, Ikhwān al-Ṣafā, Ibn Ṣinā, al-Ghazālī, Ibn Rushd, Ibn Bājah dan sebagainya. Isu yang diketengahkan meliputi pengertian falsafah siyasah, hubungannya dengan akhlak dan agama, teori kesmasyarakatan dan kenegaraan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya.²⁷

²⁴ *Ibid.*, h. 89-90.

²⁵ *Ibid.*, h. 91-92.

²⁶ *Ibid.*, h. 98.

²⁷ *Ibid.*, h. 99.

**vii. Pemikiran Akhlak Islam (PH3343 - 3 unit/
Elektif)**

Mengkaji secara kritis respon pemikir Islam terhadap pemikiran akhlak Greek, Kristian, dan Moden. Sejarah pemikiran akhlak dalam Islam dan tokoh-tokohnya sehingga kini turut dikenang. Antara isu yang dibincangkan ialah konsep akhlak, kebahagiaan, baik dan buruk, dan pendidikan akhlak. Ia juga menyentuh tradisi kaunseling dalam Islam dan sumbangan tokoh-tokoh seperti al-Kindī, al-Rāzī, Miskawayh, al-Ghazālī, al-Tūsī dan lainnya.²⁸

**viii. Kajian Teks Usuluddin dan Falsafah (PH3142 -
2 unit/ Teras)**

Bertujuan melatih pelajar memahami teks dalam bidang usuluddin dan falsafah yang merangkumi teks tafsir, hadith, akidah, tasawuf dan falsafah.²⁹

ix. Falsafah Ketuhanan (PH3403 - 3 unit/ Elektif)

Membincangkan persepsi falsafah tentang Tuhan; definisi, tabiat, ruang lingkup falsafah ketuhanan. Memperkatakan tentang konsep Tuhan dari segi kewujudan dan sifatNya, kedudukan Tuhan dalam sains moden, perbandingan konsep tuhan dalam pelbagai agama dan faham-faham ketuhanan menurut beberapa tokoh falsafah Islam seperti al-Ghazālī dan Iqbāl.³⁰

x. Falsafah Minda (PH3433 - 3 unit/ Elektif)

Membincangkan isu-isu berkaitan falsafah minda, falsafah sains, epistemologi dan sains kognitif. Latar belakang pemikiran Barat yang mendasari perbincangan falsafah minda turut dikemukakan. Perbincangan kursus ini dilakukan secara perbandingan di antara tradisi Barat dan Islam.³¹

²⁸ *Ibid.*, h. 95-96.

²⁹ *Ibid.*, h. 93.

³⁰ *Ibid.*, h. 97-98.

³¹ *Ibid.*, h. 98.

**xi. Falsafah dan Kehidupan (PH3443 - 3 unit/
Elektif)**

Mengkaji kaitan dan kepentingan disiplin falsafah dalam kehidupan dari dua aspek iaitu aspek peranan falsafah dalam pelbagai aktiviti kehidupan dan aspek sumbangan tokoh pemikir Islam seperti al-Kindī, al-Fārābī, Ibn Sīnā, al-Rāzī, Miskawayh dan Ibn Rushd kepada pembangunan manusia kini.³²

c) Sukatan Pengajian Falsafah Islam di APIUM dan FPI, UKM: Suatu Sorotan

Demikian secara ringkas kursus-kursus berkaitan falsafah amnya dan Falsafah Islam khasnya yang ditawarkan di kedua-dua institusi yang dipilih dalam kajian ini. Penelitian dan perbandingan di antara sukatan pengajian falsafah Islam di kedua-dua institusi APIUM dan FPI, UKM di atas mendapati beberapa pemerhatian berikut:

- i. Dari segi jumlah unit atau jam kredit, kursus-kursus di APIUM umumnya lebih besar berbanding di FPI, UKM yang menawarkan hanya 2 unit bagi sesetengah kursus. Baik-buruk perbezaan ini pastinya melibatkan kualiti dan kuantiti kursus yang dianjurkan. Dari segi kualiti, kursus yang melibatkan 3 jam kredit pastinya mempunyai ruang yang agak luas untuk perbincangan dan ini akan lebih memantapkan kualiti pembelajaran. Manakala dari segi kuantiti, penawaran kursus dengan hanya 2 unit sahaja akan memungkinkan lebih banyak bilangan kursus ditawarkan. Dengan ini, para pelajar akan lebih banyak terdedah dengan pelbagai perbincangan falsafah walaupun secara mendatar. Apapun keadaannya, penentuan unit atau jam kredit ini perlu mengambil kira fokus dan pelaksanaan kursus, dan apa yang penting ialah matlamat pembelajaran dapat dipastikan pencapaiannya.

³² *Ibid.*, h. 99.

- ii. Ekoran dari perbezaan unit atau jam kredit di atas, didapati FPI, UKM lebih berpeluang untuk menganjurkan kursus-kursus yang lebih khusus sifatnya seperti kursus Falsafah Abad Pertengahan (PH2413), Perbandingan Falsafah (PH3413, Falsafah Ketuhanan (PH340) dan Falsafah Minda (PH3433) yang pasti akan memberi pendedahan yang lebih meluas kepada pelajar. Memang tidak dinafikan bahawa isu-isu dalam kursus-kursus ini ada di ketengahkan dalam kursus-kursus di APIUM, namun ruangnya adalah agak terhad.
- iii. Seterusnya dari segi pengisian kursus, terutama yang melibatkan penguasaan berinteraksi dengan teks-teks primer, penawaran kursus *Nuṣūṣ al-Falsafah al-Islāmiyyah* (IAEU2311) di APIUM dan Kajian Teks Usuluddin dan Falsafah (PH3142) di FPI, UKM mungkin boleh dikemaskinikan. Di APIUM, walaupun jumlah jam kreditnya agak mencukupi iaitu dengan 3 jam kredit, namun ia hanya diletakkan sebagai kursus elektif. Sebaliknya, di FPI, UKM walaupun ia adalah kursus teras namun penawarannya hanyalah sekadar 2 unit sahaja.
- iv. Sehubungan dengan pemerhatian di atas, perlu ditegaskan bahawa kursus sebegini dilihat penting kerana ia melibatkan sumber. Kita tidak akan mampu melahirkan seorang graduan yang baik jika mereka tidak mampu berinteraksi terus dengan teks asal. Kebergantungan hanya kepada teks terjemahan semata-mata pastinya tidak mencukupi khususnya apabila diambilkira kualiti dan kuantiti terjemahan yang ada di pasaran.³³ Ini

³³ Dari segi kualiti lihat contohnya terjemahan Melayu teks *Tahāfut al-Falāsifah* karangan al-Ghazālī yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1989. Para pembaca yang mampu mentelaah teks asal kitab tersebut dalam Bahasa Arab pasti akan merasakan bahawa teks asal berbahasa Arab lebih jelas maknanya. Dari segi kuantiti pula, setakat pengamatan penulis memang masih banyak karya agung falsafah Islam yang belum diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Karya Ibn Sīnā misalnya, setakat pengetahuan penulis, tidak ada yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

- ditambah dengan masalah tahap penguasaan para pelajar Melayu yang lemah dalam berinteraksi dengan teks asal berbahasa Arab, apatah lagi dengan teks-teks falsafah yang terkenal dengan keunikan olahan dan kesukaran topik perbincangannya.
- v. Walau bagaimanapun, secara umumnya sukatan pengajian falsafah di kedua-dua institusi di atas sudah mencakupi pelbagai bidang falsafah secara adil. Namun begitu, keberkesanan kursus-kursus ini banyak tertakluk kepada aspek pelaksanaannya. Jika ia dilaksana dan diajar dengan penuh tanggungjawab dan dengan matlamat yang jelas, pasti kesannya adalah baik, setidak-tidaknya reputasi falsafah dapat diperbaiki. Namun jika sebaliknya, maka sebaliknya juga kesannya.

Masalah Dan Cabaran Pengajaran Dan Pengajaran Falsafah

Secara umumnya pengajaran sesuatu ilmu boleh dikaitkan dengan dua tujuan utama. Ia sama ada untuk melahirkan pakar dalam bidang ilmu yang diajarkan ataupun hanya sekadar untuk memberi maklumat yang mencukupi tentang disiplin yang diajar. Ini juga adalah matlamat utama para ilmuwan Islam dalam penulisan mereka.³⁴ Pengisian dan pendekatan pengajaran untuk kedua-dua tujuan di atas pastinya berbeza dan mesti dibezakan.

³⁴ Hāfi Khalīfah dalam muqadimah kitabnya *Kashf al-Zunūn* ada menggariskan bahawa pengkaryaan dan penulisan boleh dibahagikan kepada tujuh kategori; pertama, mengemukakan suatu yang belum pernah dikemukakan sebelum ini; kedua, menyempurnakan apa yang kurang sebelum ini; ketiga, memperjelaskan apa yang tak jelas; keempat, meringkaskan apa yang panjang meleret tanpa menjelaskan kandungan asasnya; kelima, menghimpunkan segala maklumat yang bertaburan; keenam, menyusun kembali maklumat yang tidak tersusun dan ketujuh, memperbetulkan sebarang kesilapan dalam karya-karya terdahulu, dinukilkhan dari Ḥāmid Tāhir (1986), ‘Harakat al-Ta’lif fi al-Ālam al-‘Arabi al-Mu’āṣir’, dalam *Dirāsāt ‘Arabiyyah wa Islāmiyyah*, No. 5, 1986, h. 56.

Dari aspek yang lain pula, semua ilmu yang baik sememangnya penting dan perlu diajar kepada semua pelajar. Perbezaannya, ada ilmu yang diajar dan dipelajari sekadar untuk mendapat maklumat dan ada ilmu yang diajar dan dipelajari demi pengisian diri sebagai pakar yang nanti akan mendokong tradisi ilmu yang dipelajarinya itu. Kaedah umum ini terpakai bukan sahaja ke atas tradisi ilmu-ilmu wahyu (*naqli*) atau ilmu-ilmu kehidupan (*akli*) secara berasingan, bahkan ia sebagai mana yang dianjurkan oleh Islam patut disepadukan melintasi sempadan kedua-dua tradisi di atas.³⁵

Dalam kes pengajian falsafah amnya dan falsafah Islam khasnya fakta di atas perlu dikenalpasti. Makalah ini lebih menjurus kepada bentuk dan pendekatan pengajian dan pengajaran yang kedua, iaitu dengan matlamat melahirkan pakar dalam bidang falsafah, bahkan melahirkan failasuf. Oleh yang demikian, masalah dan cabarannya pasti lebih besar.

Dalam memperkatakan tentang masalah dan cabaran pengajian dan pengajaran falsafah ini beberapa aspek berikut perlu dipertimbangkan sebagai kerangka:

a) Peruntukkan Ruang Secukupnya Di Institusi Pengajian

Hal ini bergantung dan berkait rapat dengan kecenderungan dan peruntukan polisi kerajaan melalui

³⁵ Al-Qur'an banyak menekankan matlamat keagamaan dan akhirat seperti dalam *Surah al-Dhāriyāt*, (51: 56) yang menegaskan bahawa matlamat penciptaan dan kewujudan manusia dan jin adalah untuk beribadat dan ayat *Surah al-Nisā'* yang menegaskan bahawa kesenangan keduniaan itu hanya sementara sedangkan akhirat itu lebih baik (4: 77) dan yang menjelaskan bahawa mereka yang hanya mengejar dunia semata-mata adalah rugi sedangkan apa yang diseru oleh Allah SWT merangkumi kebaikan dunia dan akhirat (4: 134). Walau bagaimanapun terdapat juga nas yang menegaskan bahawa tidak salah mengejar dunia jika ianya terkawal oleh matlamat akhirat misalnya dalam ayat *Surah al-Baqarah*, (2: 201) yang mengajak manusia mengusahakan kebaikan di dunia dan di akhirat dan ayat *Surah al-Qaṣāṣ* (28: 77) yang menegaskan bahawa di samping mencari kebahagiaan dan kejayaan di akhirat nanti, tidak salah untuk manusia memiliki 'bahagian' atau habuannya di dunia. Untuk penjelasan tentang pembahagian ilmu dalam Islam lihat misalnya Osman Bakar (1992), *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science*, Kuala Lumpur: Institute for Policy Research.

Kementerian Pendidikan Tinggi, universiti dan seterusnya fakulti berkaitan. Dalam konteks kini, polisi umum pendidikan Negara lebih cenderung kepada bidang-bidang sains dan teknologi yang dilihat lebih praktikal dan lebih mendatangkan hasil material. Keputusan menghadkan nisbah 60-40 peratus antara Sains Tulen dan Sains Sosial sedikit sebanyak mengehadkan peluang yang sedia terhad. Ia memberi kesan langsung kepada bentuk-bentuk penawaran kursus dan pengambilan pelajar. Berbanding bidang Sains Tulen, bidang-bidang Sains Sosial seakan tidak diberikan sokongan yang setara untuk dikembangkan. Bidang pengajian keagamaan, yang dikaitkan dengan skop Sains Sosial, mungkin dilihat tidak begitu menguntungkan perkembangan sosio-politik dan ekonomi semasa negara sebagaimana yang mungkin disumbangkan oleh bidang sains dan teknologi.

Di sini dapat diperhatikan beberapa perkara yang agak mendasar. Antara yang terpenting ialah meng-kategorikan ilmu agama termasuk falsafah Islam sebagai Sains Sosial. Implikasinya pelbagai, antaranya yang ketara ialah pengecilan bilangan pengambilan pelajar Sains Sosial berbanding pelajar Sains Tulen. Di samping itu, pengkategorian ilmu Islam dalam kategori Sains Sosial ini telah mengikat pengajian agama dan falsafah dengan tradisi dan metodologi Sains Sosial yang kadang-kadang tidak begitu sesuai untuk pengajian keagamaan dan kefalsafahan. Ini kerana Sains Sosial umumnya lebih berupa ilmu yang diasaskan di atas realiti semasa masyarakat manakala ilmu keagamaan dan falsafah mirip kepada membahaskan sistem yang dilihat paling ideal untuk diaplikasikan ke atas masyarakat, dengan kata lain Sains Sosial adalah ilmu tentang apa yang berlaku manakala ilmu keagamaan dan falsafah adalah ilmu tentang apa yang sepatutnya berlaku.³⁶

³⁶ Penilaian ke atas sesuatu fenomena sosial, sama ada untuk tujuan memahami ataupun demi mengatasi masalah sosial yang sedang berlaku banyak dipengaruhi oleh persepsi ahli sosiologi tersebut ke atas realiti

b) Keupayaan Institusi Dan Kepakaran Yang Ada Untuk Memikul Tanggungjawab Pengajaran Dan Penganjuran Kursus

Perkara pertama yang boleh diketengahkan dalam konteks ini, iaitu yang berkaitan dengan keupayaan institusi, ialah kelengkapan pusat sumber atau perpustakaan yang menyediakan segala bahan asas yang diperlukan untuk proses pengajian dan pengajaran. Kelengkapan pusat sumber ini bukan hanya melibatkan sarana fizikal yang selesa sahaja, bahkan yang lebih penting ialah jumlah koleksi bukunya yang lengkap di samping gerakan terancang untuk menghasilkan bahan sumber sendiri.

Dalam hal berkaitan menyediakan koleksi perpustakaan yang baik, situasi di pusat-pusat pengajian di Malaysia khasnya, dan mungkin di negara Islam amnya, masih banyak yang perlu diperlengkapkan. Di sesetengah negara Islam seperti di Mesir misalnya mempunyai koleksi yang baik, tetapi malangnya pengurusan dan kemudahan infrastrukturnya pula bermasalah. Berbanding dengan perpustakaan-perpustakaan utama dunia seperti di Amerika, Perancis, United Kingdom, Holland dan sebagainya, koleksi di Malaysia khususnya dalam bidang falsafah amnya dan

semasa dan setempat masyarakat yang dikaji. Ia dianggap sebagai fakta sosial (*social fact*) yang merupakan objek utama kajian sosial. Isu besar yang sering diperkatakan oleh ahli sosiologi dalam kajian mereka ialah ketelusan atau sejauhmanakah objektifnya seseorang ahli sosiologi itu menilai fakta sosial di atas. Bagaimana mungkin dipastikan bahawa mereka objektif dalam penilaian mereka kerana objek dan subjek kajian kemasyarakatan ini semuanya dibentuk oleh masyarakat itu sendiri. Tambahan lagi, kerangka penilaian juga tidak terkeluar dari skop masyarakat itu. Lihat tentang fakta sosial, kaedah kajian sosial dan masalahnya dalam Emile Durkheim (1966), *The Rules of Sociological Method*, terj. Sarah A. Solovay dan John H. Mueller, New York: The Free Press dan London: Collier Macmillan Publishers, h. 1-13 dan h. 141-145, dan Ritchie P. Lowry (1974), *Social Problems: A Critical Analysis of Theories and Public Policy*, Lexington, Massachusetts, Toronto, London: D.C. Heath and Company, h. 47-77.

Falsafah Islam khasnya boleh dianggap masih miskin.³⁷

Seterusnya dalam konteks usaha untuk menyediakan bahan sumber sendiri, ini tentunya akan melibatkan pelbagai proses termasuk penyelidikan, pembentangan seminar pakar, penterjemahan dan penerbitan. Di Malaysia kesemua aspek ini masih banyak yang perlu diperkemaskan. Dalam konteks penyelidikan, dana mungkin bukan suatu masalah yang besar kerana kebanyakannya penyelidikan bidang ini jarang melibatkan kajian lapangan dan kos yang besar. Dalam konteks pembentangan seminar pakar, ia agak menyedihkan. Kecenderungan menganjurkan seminar ‘popular’ atau ‘komersial’ melebihi penganjuran seminar pakar yang serius.³⁸ Dalam konteks terjemahan pula, tiada suatu gerakan yang terancang dan tersusun dalam mengemukakan terjemahan ilmiah yang menyeluruh bagi karya-karya agung falsafah Islam pelbagai era. Begitu juga dengan penerbitan, Malaysia masih agak tertinggal dalam aktiviti penerbitan buku-buku yang baik dan berkualiti. Minat membaca masyarakat dan sikap mementingkan aspek keuntungan komersial adalah antara isu yang mempengaruhi kelembapan ini.

Perkara kedua dalam konteks ini ialah berkaitan kepakaran dan keupayaan tenaga pengajar yang ada. Umumnya, hanya failasuf yang mampu melahirkan

³⁷ Pengalaman peribadi penulis yang sedang menjalankan kajian Kedoktoran mendapati banyak lagi karya-karya agung ahli falsafah Islam yang terkenal seumpama al-Kindī, al-Fārābī, Ibn Sīnā, al-Ghazālī dan Ibn Rushd masih tidak dimiliki oleh perpustakaan besar di Malaysia termasuk perpustakaan universiti. Karya utama Abū al-Barakāt al-Baghdādī berjudul *al-Mu'tabar fi al-Hikmah* yang menjadi tumpuan utama kajian kedoktoran penulis hanya boleh didapati di perpustakaan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

³⁸ Dalam hal berkaitan pengajaran dan kajian bidang falsafah, seminar yang dijalankan di Marakesh, Maghribi pada 6-9 Julai 1987 patut dijadikan contoh. Seminar ini yang membincangkan tentang pengajaran dan pengkajian falsafah di negara-negara Arab adalah berupa suatu platform untuk para pakar (*ijtimā' al-khubarā'*) memperkata dan membahaskan masalah, cabaran dan sukatana pengajaran falsafah di dunia Arab, lihat prosidingnya *Tadrīs al-Falsafah wa al-Baḥth al-Falsafi fi al-Waqān al-'Arabi*, Beirut: Dār al-Gharb al- Islāmī, 1990.

failasuf dan hanya failasuf yang baik yang akan melahirkan failasuf yang baik dan tidak terkeliru. Malah, sebagaimana yang dinyatakan di atas, siapa failasuf yang ada di Malaysia kini? Jika ada, siapakah antara mereka yang merupakan failasuf yang ‘baik’? Jika tiada failasuf, siapakah yang memikul tanggungjawab mengajar falsafah di Malaysia? Bolehkah dipastikan bahawa pensyarah yang dipertanggungjawabkan mengajar kursus falsafah ini faham tentang falsafah jika mereka hanya berbekalkan pembacaan yang terhad ke atas beberapa buku sekunder dan hanya menjalankan pengkajian persediaan selama beberapa minggu sebelum semester bermula?

c) Promosi dan Minat Pelajar

Kurangnya kesedaran pelajar Melayu tentang penting pengajian falsafah memang tidak dapat dinafikan. Falsafah biasanya dianggap sebagai kursus yang susah dan mungkin dilabelkan sebagai tidak begitu berfaedah. Persepsi ini ada kebenarannya kalaupun tidak kesemuanya dan kesan atau implikasi dari persepsi sebegini juga jelas. Sepanjang sejarah pemikiran manusia, tidak ramai failasuf yang lahir dan tidak ramai pula dari kalangan masyarakat yang mampu memahami dan menghargai kepentingan mereka. Ini menjadikan falsafah itu eksklusif. Namun, apa yang jelas, walaupun individu failasuf itu dianggap agak eksklusif tetapi kesan dan peranan yang dimainkan mereka adalah umum dan menyeluruh; ia dapat dinikmati oleh pelbagai anggota masyarakat jika dimasyarakatkan sebaiknya.

Memang ‘failasuf’ bukan suatu profesyen dan ia tidak sepatutnya dijadikan sebagai suatu profesyen sebab failasuf itu mencari hikmah demi hikmah, memperkatakan tentang kebenaran demi kebenaran, bukan kerana kepentingan lain.³⁹ Failasuf boleh

³⁹ Lihat tentang pengertian falsafah dan sikap serta tanggungjawab seorang failasuf dalam Mahmūd Ḥamdi Zaqqūq (1986), *Tamhīd li al-Falsafah*, Kaherah: Maktabah al-Anglo al-Miṣriyyah, h. 11-58. Juga Joseph Bochenski (1980), *Madkhāl ilā al-Fikr al-Falsafī*, terjemahan Arab oleh M. H. Zaqqūq, Kaherah: Maktabah al-Anglo al-Miṣriyyah, h. 17-31.

bekerja sebagai apa sahaja; Ibn Sinā dan Ibn Khaldūn pernah menjawat jawatan pentadbir, Ibn Ṭufayl pernah menjadi pustakawan, dan Ibn Rushd pula adalah seorang qadi.

Persepsi ‘belajar untuk kerja’ kini sudah menjadi darah daging para pelajar. Ilmu dikejar kerana andaian bahawa ia boleh menjanjikan hidup senang. Matlamat ruhaniyah mencari ilmu sudah bertukar kepada matlamat pragmatik dan materialistik. Kalau dulu para ilmuwan belajar untuk memperhambakan diri kepada ilmu, apakah umat pelajar kini mempunyai fahaman dan komitmen yang jelas terhadap ilmu dan guru mereka? Kalau al-Qur'an pernah menegaskan bahawa orang yang paling takutkan Allah SWT adalah para ilmuwan,⁴⁰ apakah kini para ilmuwan masih lagi sinonim dengan orang yang paling bertakwa kepada Allah SWT? Kalau dulu ilmu itu didatangi, kini ilmuwan mendatangi dengan ilmunya.⁴¹

Jika fenomena ini berleluasa, pastinya falsafah adalah antara ilmu yang paling awal ‘bankrup’ dan keadaan ini pasti tidak akan mampu melahirkan seorang pemikir atau failasuf, atau lebih tepat seorang failasuf yang baik. Dunia akan dipenuhi dengan faham-faham kebendaan dan segala falsafah yang akan dilahirkan nanti pastinya tidak lain hanya untuk ‘berkhidmat’ kepada faham kebendaan tersebut.⁴² Hal

⁴⁰ Lihat al-Qur'an: *Sūrah Fātīr*, 35: 28.

⁴¹ Karya-karya ilmuwan Islam silam tentang ilmu dan ulama seperti *Kitāb al-‘Ālim wa al-Mu‘allim* oleh Imām Abū Ḥanīfah (m. 150H./ 767M.), *Kitāb Adab al-Mu‘allim* oleh Ibn Shahnūn (m. 226H./ 840M.), *Kitāb al-‘Ālim wa al-Mu‘allim* oleh Imām al-Turmudī (m. 280H./ 893 M) dan *Kitāb Ta‘līm al-Muta‘allim Ṭāriq al-Ta‘llum* oleh al-Zarnūjī (620H.) patut dibacakan kepada para pelajar sebagai suatu motivasi dan pemurnian niat dan tujuan menuntut ilmu. Terdapat banyak kisah-kisah yang menceritakan tentang isu-isu berkaitan pelajar, belajar dan mengajar yang diketengahkan oleh pengarang ini. Sesetengahnya masih relevan dan hampir sama dengan apa yang dialami oleh dunia keilmuan kini.

⁴² Ini jelas dengan kelahiran faham-faham kebendaan di Barat yang saban hari menjauhkan manusia dari keruhanian dan ketuhanan kepada memperhambakan diri kepada dunia dan benda. Bacalah faham-faham seperti imperialisme, pragmatisme, modernisme dan post-modernism, darwinisme dan lainnya.

ini seterusnya akan membantut segala usaha ke arah pembangunan seimbang yang diimpikan. Akibatnya cita-cita membina modal insan yang baik dan ber-kualiti pastinya akan terhalang.

Inilah realiti dan cabaran yang dihadapi dunia intelektual kini. Cabaran ini, dari satu aspek yang lain, boleh dikaitkan dengan isu pengajaran dan keupayaan pengajar di atas. Pengajaran yang tidak membina dan pengajar yang tidak mampu menjalankan tugas sebaiknya pasti akan menyumbang kepada kemerudumman persepsi para pelajar terhadap kepentingan falsafah dan pengajiannya.

Kesimpulan Dan Saranan

Secara dasarnya perancangan penyelidikan dan pengajian sesuatu bidang ilmu perlu didasarkan di atas suatu klasifikasi yang adil dan jelas. Dalam sejarah keilmuan Islam, isu klasifikasi ilmu bukan suatu yang baru dan remeh. Ia dianjurkan seawal ayat al-Qur'an pertama diturunkan di mana tuntutan 'membaca' itu hendaklah 'dengan nama Tuhan yang mencipta'.⁴³ Ini menunjukkan ada keutamaan tertentu yang perlu diperjuangkan dan tidak boleh dipandang ringan. Keutamaan ini berkait rapat dengan persoalan hubungan manusia dengan Tuhan, persoalan tauhid dan akidah, dan persoalan Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Penegasan tentang isu Fardu Ain dan Fardu Kifayah ini juga adalah selaras dengan misi Islam yang menegaskan bahawa keutamaan sesuatu ilmu dan amalan itu perlu merujuk kepada matlamat kejadian dan kewujudan manusia yang tidak dijadikan melainkan untuk mengenal dan beribadat kepada Allah SWT.⁴⁴

Demikian kerangka dasar klasifikasi dan matlamat ilmu dalam Islam. Sebagaimana ilmu-ilmu lain, perancangan penyelidikan dan pengajian falsafah amnya dan falsafah Islam khasnya perlu dilihat dalam konteks kerangka yang sama. Pertama, ia mesti dirangka dalam

⁴³ Lihat *Sūrah al-'Alaq*, 97: 1-2.

⁴⁴ Lihat *Sūrah al-Dhāriyāt*, 51: 56.

skop ‘dengan nama Tuhan yang mencipta’ di atas. Pemikiran dan aliran falsafah yang ingin diketengahkan mestilah pemikiran dan aliran yang tidak mengetepikan prinsip ini. Sebaliknya, ia mestilah berupa pemikiran yang mampu membantu merealisasikan kewujudan dan kebersamaan Allah SWT dalam setiap aktiviti kehidupan manusia termasuk aktiviti fizikal, mental dan spiritual. Sukatan yang ingin digubal dan dikemukakan mestilah suatu sukatan yang mampu mempersempitkan hakikat yang benar daripada sumber yang benar, manakala bakal failasuf yang ingin dilahirkan semestilah seorang failasuf yang faham akan kedudukan segala kewujudan, peganan, sikap dan tindakan serta mampu menempatkannya secara adil di tempat selayaknya berdasarkan sistem anjuran Allah SWT.

Untuk itu, sukatan yang sedia ada dan sudah dilaksanakan dalam mana-mana tradisi Islam boleh diambil dan disuaikan dengan tuntutan semasa dan setempat. Usaha menyesuai dan mengembangkan apa yang sudah sedia ada tidak bermakna menolak secara menyeluruh tradisi yang sudah terbukti keberkesanannya, walaupun untuk tempoh suatu masa tertentu. Keberterusan dan tertegaknya sesuatu tradisi dalam sesuatu tempoh tertentu sememangnya cukup untuk membuktikan bahawa tradisi tersebut mempunyai kekuatannya tersendiri. Oleh yang demikian, dalam usaha menyesuai dan mengembangkan sesuatu tradisi dengan keperluan semasa dan setempat, langkah mencungkil dan memahami secara komprehensif kekuatan tradisi tersebut perlu dilakukan terlebih dahulu.

Sesungguhnya sesuatu penambahbaikan hanya boleh dilakukan dengan baik apabila seseorang itu sedar tentang kekuatan yang sedia ada. Dengan ini, penambahbaikan itu dilakukan ke atas tapak yang sedia kuat dan tidak perlu diganti dengan tapak baru. Sebaliknya, jika kita gagal mengenalpasti kekuatan yang sedia ada, sama ada disebabkan oleh ketidakfahaman kita terhadap tradisi tersebut atau oleh kerana kita dikelirukan dengan suatu ‘tradisi’ yang lain, lalu kita bangunkan apa yang kita dakwa sebagai suatu ‘tradisi’ baru yang kita sangka lebih

sesuai untuk kita, kini dan di sini, sedangkan ia belum benar-benar teruji sebelumnya dan tapaknya pula masih belum cukup terbukti kekuatan dan keteguhannya, maka sebenarnya kita seumpama merobohkan sebuah pondok kediaman yang kita diami selama ini, yang usang dan yang zahirnya nampak seolah-olah tidak mampu ditegakkan kembali. Lalu setelah robohnya pondok kediaman tersebut, kita pergi berteduh di rumah orang lain yang mungkin nampak hebat atau ditonjolkan sebagai hebat reka bentuk dan warna luarannya. Dengan sikap dan tindakan sebegini, kita sebenarnya tidak mendatangkan sebarang keuntungan untuk diri. Rumah yang ditumpangi tidak mungkin akan menjadi milik kita, ia selamanya milik orang dan kita selamanya adalah penumpang. Dari aspek yang lain, jika terbukti kemudiannya bahawa isi rumah itu, yang sebelumnya nampak dan ditonjolkan sebagai hebat luarannya, adalah buruk, maka ketika itu kita akan kerugian lagi kerana turut menumpang keburukannya sekali. Manakala pondok usang milik sendiri yang sebelum ini pernah kita pertahankan, kini telahpun kita robohkan. Maka, dalam keadaan sebegini, siapakah yang nak kita salahkan? Bahkan di manakah kita nak tinggal sekarang? Pilihan yang ada kini hanyalah dua: sama ada kita terus berkongsi keburukan dalam rumah yang kita tumpangi sekiranya masih terus sanggup menumpanginya atau kita terpaksa usahakan pembinaan sebuah pondok baru dengan kemampuan yang ada dari mula.

Oleh itu, demi mengelakkan krisis jati diri di atas, maka segala usaha menyusun sukatan pengajian Falsafah Islam, dan juga sukatan pengajian Islam amnya, perlu mempastikan wujudnya suatu kesinambungan dari tradisi yang sedia ada dan terbukti keberkesanannya. Begitu juga dengan usaha memilih bahan dan teks kajian serta menentukan garis panduan dan pendekatan pengajaran yang sesuai. Persoalan bagaimana Ibn Sīnā menilai dan ‘mengislamkan’ falsafah Greek dan bagaimana pula al-Ghazālī menimbang, memilih dan mengembangkan faham-faham yang diharuskan syara’ dari falsafah Ibn Sīnā misalnya patut dijadikan panduan dalam usaha umat Islam kini berinteraksi dengan faham-faham Barat kontem-

porari dan dalam berhadapan dengan tafsiran pendokong Barat dari kalangan umat Islam. Pengalaman mereka ini juga penting dalam usaha menilai karya ilmuwan Islam silam. *Tradisi Tahāfut* - meminjam istilah Profesor Alparslan Açıkgönç⁴⁵ - perlu diteruskan. Kekuatan dan perisai yang memelihara keaslian tradisi intelektual dalam ilmu Kalam dan tasawuf merupakan antara hasil tradisi ini. Dengan ini sumbangan pemikiran mana-mana falsafah diambil sebagai penguat kepada kebenaran yang sedia didokong dan bukan sebagai sumber mutlak kebenaran. Mana-mana teks falsafah yang dibaca dilihat dan dinilai sebagai sumber dan sumbangan pemikiran, bukan sebagai objek pemikiran. Manakala tunjang pengukur sebenar teks-teks tersebut perlu merujuk kepada sumber Islam yang terpelihara, iaitu dengan pemahaman yang berautoriti dalam tradisi yang terjaga.

Oleh yang demikian apa yang boleh disarankan berkaitan pengajian Falsafah Islam adalah seperti berikut:

1. Dalam konteks menyediakan kandungan kursus, ia perlu digabungkan di antara isu-isu yang pernah diperdebatkan dalam tradisi dengan persoalan baru yang dihadapi masyarakat semasa. Isu-isu lama itu walaupun dari segi kandungannya mungkin dilihat tidak begitu relevan dengan cabaran semasa namun pengalaman dan cara ilmuwan terdahulu menanganinya boleh diambil iktibar, diadaptasi dan diaplikasikan secara selektif dalam menghadapi dan menangani cabaran semasa. Di sini penelitian perlu diberikan kepada pendekatan dan sikap mereka dalam menangani isu tersebut pada ketika itu.

Sebagai contoh, isu tentang apakah al-Qur'an itu makhluk ataupun qadim yang diperdebatkan dalam sejarah pemikiran Islam suatu masa dahulu,

⁴⁵ Lihat kertas kerja beliau yang bertajuk: 'The Relevance of the Ibn Ṣinā-Ghazālī Debate: An Evaluation and A Reassessment', yang dibentangkan pada *International Conference on al-Ghazālī's Legacy: Its Contemporary Relevance*, anjuran Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Kuala Lumpur, 24-27 Oktober, 2001, h. 2.

walaupun ia tidak lagi timbul kini dalam bentuk yang sama sebagaimana dahulu, dan walaupun ia kini dilihat sebagai bukan lagi isu sebenar falsafah Islam oleh sesetengah pengkaji,⁴⁶ namun jika diamati pengalaman ilmuwan terdahulu yang mempertahankan hakikat bahawa al-Qur'an itu qadim, dan jika dilihat kesan perjuangan mereka kepada keberterusan dan kesinambungan pemikiran Islam seterusnya, maka kita akan lebih menghargai sumbangan mereka. Isu dan dakwaan yang menyentuh aspek kesucian al-Qur'an kini, sama ada yang berkaitan dengan kesahihan teks al-Qur'an mahupun yang berkaitan dengan kaedah mentafsir dan memahami al-Qur'an, yang hangat diperkatakan oleh para orientalis dan pemuka mereka dari kalangan Muslim liberal, sebenarnya boleh dikaitkan dengan faham dan keyakinan bahawa al-Qur'an itu qadim sebagaimana yang diperjuangkan di atas.

Seterusnya dalam usaha memasukkan dan menggabungkan isu-isu semasa dalam kandungan kursus Falsafah Islam, ia juga tidak semudah yang difikirkan. Ini kerana kita perlu mengenalpasti apakah isu yang pokok dan apakah pula yang sampingan? Apakah masalah yang memang kita hadapi sendiri dan apa pula isu yang hanya ditampilkkan seolah-olah ia adalah masalah kita sedangkan ia sebenarnya masalah umat lain? Apakah masalah itu lahir dari dalam masyarakat kita ataupun kesan dari pengaruh asing? Semua persoalan ini penting kerana ia akan menentukan tabiat topik perbincangan kursus dan bentuk penyelesaiannya yang akan dikemukakan.⁴⁷ Antara

⁴⁶ Lihat Ḥāmid Tāher (1993), *al-Falsafah al-Islāmiyyah fī al-‘Aṣr al-Hadīthi*, cet. Kedua, Kaherah: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah, h. 154-155.

⁴⁷ Lihat perbahasan tentang isu sebenar dan persoalan penting pemikiran dan falsafah Islam Ḥāmid Tāher, *ibid.*, khususnya bab empat dan lima, h. 121-162 dan Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 1-39.

isu penting dan semasa yang perlu diberi perhatian kini antaranya ialah isu epistemologi yang banyak dikelirukan oleh cabaran dan faham empirikal dan keduniaan, isu pandangan alam (*worldview*) yang banyak dipengaruhi persepsi sekularisme Barat, dan isu dialog agama dan peradaban yang secara tidak langsung cuba mengetengahkan faham-faham yang mengelirukan seperti faham pluralisme agama.

2. Dalam konteks pendekatan pengajaran, ia banyak berkait dengan tabiat topik perbincangan di atas. Dalam kategori topik pertama, iaitu isu-isu lama yang pernah diperdebatkan dalam tradisi lampau, pemahaman yang menyeluruh tentang latarbelakang masalah dan cabaran semasa ketika itu perlu diambil kira. Dalam masa yang sama, hakikat umum yang tidak terikat dengan situasi semasa perlu dicungkil dan dibezakan untuk dimanfaatkan umat kini.

Seterusnya dalam menghadapi kategori isu semasa, latarbelakang semasa pula perlu dikupas secara terperinci, khususnya jika ia melibatkan isu-isu yang ‘diimpot’ dari Barat. Tanpa pengetahuan yang mencukupi tentang latarbelakang mereka, kita pasti tidak akan dapat menjuruskan analisis dan penyelesaian kita secara tepat.

3. Dalam konteks penyediaan bahan perbincangan dan bacaan, kriteria di atas juga perlu diambilkira. Teks-teks asal perlu dan penting untuk kita meneliti dan menghayati isu-isu lama. Ia lebih menampilkkan keadaan sebenar ketika itu. Oleh yang demikian, dalam meneliti isu-isu lama ini, prasyarat bahasa dan kepakaran berinteraksi langsung dengan teks itu perlu dipersiapkan. Manakala dalam kes isu-isu semasa, karya-karya semasa pelbagai bidang perlu diperkenalkan. Di sini penguasaan pelbagai bahasa moden juga diperlukan khususnya untuk menelusuri latarbelakang isu yang diperkatakan. Tambahan lagi jika ia melibatkan isu yang ‘diimpot’ di atas. Apa

yang penting ialah usaha yang terancang dan serius perlu digarap untuk melahirkan karya sendiri yang menggabungkan sumber dan pengalaman tradisi dan semasa, serta diolah dalam bahasa dan pendekatan setempat. Penghasilan karya sendiri ini sebenarnya adalah suatu proses penghasilan falsafah yang ingin dilahirkan; untuk kita dan umat kemudian. Oleh yang demikian, ia tidak boleh diambil ringan seumpama menghasilkan suatu kertas kerja seminar atau sekadar melontar idea yang terlintas dalam kepala dan tidak pernah diuji selidik sebelum itu. Kualiti penghasilan karya ini adalah kualiti ‘falsafah kita’ yang sebenar, bahkan kualiti diri kita sebagai ‘failasuf’.

4. Di samping saranan di atas, usaha melahirkan suatu institusi pengajian tempatan yang lebih serius memperjuangkan pengkajian falsafah Islam dengan maksud yang menyeluruh dan praktikal perlu disegerakan kini. Kalau kita boleh berbangga dengan pelbagai institusi khusus kerajaan yang memperjuangkan kemajuan pelbagai bidang ilmu seumpama bidang sosial, intergriti, perbankan, strategi, ketenteraan dan pentadbiran awam, namun kita masih belum boleh berbangga dengan keperihatinan pihak berwajib ke atas bidang pemikiran dan ketamadunan Islam. Paling tidak, jabatan dan institusi pengajian berkaitan pemikiran dan falsafah Islam yang ada seperti di APIUM dan FPI, UKM perlu mengusahakan suatu program yang lebih tinggi dan khusus sekurang-kurangnya di peringkat Sarjana untuk melahirkan para pemikir dan tenaga pakar Falsafah Islam.